



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN PERUBATAN (IJAZAH ASAS) SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19 (VERSI 2.0)

PENGENALAN

Panduan ini bertujuan memberi penjelasan lanjut seiring dengan panduan yang telah dikeluarkan oleh MQA. Panduan ini perlu dibaca bersama Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 yang telah diedarkan oleh MQA pada 29 Mac 2020 dan dikemaskini pada Januari 2021.

PANDUAN UMUM

1. Panduan dan *advisory* kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang tindakan dan langkah pemulihan sementara sistem pengajian yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Panduan dan *advisory* ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa** dari semasa ke semasa termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Tindakan dan langkah sementara yang diambil oleh PPT dalam tempoh krisis ini adalah di bawah **tanggungjawab dan autonomi Senat / Lembaga Akademik PPT untuk membuat keputusan pelaksanaan** berdasarkan sumber dan prasarana yang terdapat di PPT. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebajikan pelajar, dalam membuat perancangan dan melaksanakan perancangan tersebut selagi mana garis panduan ini berkuatkuasa.

3. PPT perlu merekod dan mengemas kini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) berserta justifikasi dari semasa ke semasa. Segala tindakan dan langkah sementara yang digunakan perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh universiti dan mendapat kelulusan Naib Canselor / Senat / Lembaga Akademik PPT.

4. Pusat Jaminan Kualiti Dalam PPT dikehendaki **memantau** pelaksanaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dan **menyelaras aktiviti pemulihan apabila keadaan membenarkan atau kembali pulih**. Perancangan tersebut boleh berbentuk program pemulihan, pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan kekurangan yang dikenalpasti sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu). Perancangan itu juga boleh dilaksanakan secara berperingkat di mana keutamaan harus diberikan kepada pelajar tahun akhir program perubatan.

5. Segala rekod dan dokumen mengenai tindakan dan langkah sementara akan dipantau oleh panel akreditasi pada lawatan akreditasi atau pemantauan seterusnya.

6. Panduan ini hanya terpakai semasa pengisytiharan pandemik COVID-19 sehingga dimaklumkan oleh pihak berkuasa atau garis panduan yang baru.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7. Pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada *online* atau secara hibrid termasuk aktiviti berbentuk amali.

Pada umumnya PPT dibenarkan mengambil langkah sementara dengan mengubah suai komponen pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka (termasuk *blended learning*) kepada kaedah atas talian sepenuhnya atau secara hibrid tertakluk kepada kesediaan pelajar, tenaga pengajar, sumber dan prasarana di PPT. Kaedah *remote learning* seperti pembelajaran berbentuk tugas dan pembelajaran sendiri boleh digunakan mengikut kesesuaian. PPT perlu mengeluarkan garis panduan yang jelas kepada pelajar berkenaan pengubahsuaian yang dilakukan.

Kelonggaran pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk peringkat praklinikal adalah diberikan untuk komponen yang melibatkan

aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pendedahan komponen amali (sama ada sebahagian atau keseluruhan kursus) boleh dilaksanakan melalui video, simulasi maya (*virtual simulation*) atau kaedah lain yang bersesuaian. Adalah menjadi tanggungjawab tenaga pengajar untuk memastikan aktiviti amali yang dirancang adalah bersesuaian dan **dapat mencapai SEMUA Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)** yang telah ditetapkan.

Pengubahsuaian kaedah pembelajaran kemahiran klinikal ini hendaklah mengambil kira kemahiran Tahap 1 hingga Tahap 4 *Miller's Pyramid of Clinical Competence* selaras dengan CLO. PPT perlu memaksimumkan pembelajaran klinikal dan memastikan semua pelajar mendapat pembelajaran klinikal yang setara. Pembelajaran klinikal merangkumi pendedahan kepada pesakit sebenar dan pesakit simulasi dan kombinasi penggunaan pesakit simulasi dan manikin. Sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran Tahun 3 dan Tahun 4 perlu mencapai **sekurang-kurangnya 30%** penggunaan **pesakit sebenar, pesakit simulasi atau manikin secara bersemuka** manakala untuk pengajaran dan pembelajaran klinikal Tahun akhir perlu mencapai **sekurang-kurangnya 30%** penggunaan **pesakit sebenar dan pesakit simulasi sahaja secara bersemuka** (tidak termasuk manikin).

Pembelajaran klinikal hendaklah merangkumi CLO berdasarkan *Student Learning Time* (SLT) yang dirangka bagi mencapai kompetensi.

8. Kesan pengubahsuaian dan perubahan ini terhadap pengiraan SLT atau kredit serta pembelajaran dan penilaian pelajar.

Pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan penilaian pelajar (sama ada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi **sekurang-kurangnya 70% keperluan SLT** boleh dipertimbangkan oleh PPT sebagai telah memenuhi keperluan kredit dengan syarat ia telah mencapai **SEMUA CLO**.

PENILAIAN PELAJAR

9. Peperiksaan akhir digantikan dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar seperti peperiksaan secara *online*, hybrid, tugasan dan sebagainya.

Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti tugas akhir, *take-home-exam (asynchronous exams)* atau peperiksaan dalam talian (*synchronous exams*) secara *closed-book-exam* atau *open-book-exam*. Namun kelonggaran ini diberikan kepada peperiksaan teori dan Kemahiran Insaniah (*Generic skills*) sahaja. Kaedah penilaian hendaklah dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan dan memastikan aspek penilaian seperti **validity, reliability, security** dan **fairness** diutamakan. Segala rekod dan dokumen berkaitan penilaian perlu direkod dan akan dipantau oleh panel akreditasi pada lawatan akreditasi atau pemantauan seterusnya.

Perlaksanaan penilaian kemahiran klinikal sehingga Tahap 3 *Miller's Pyramid (Shows how)* boleh dilaksana secara *on-line synchronous* atau *asynchronous*. Contohnya penilaian pengambilan sejarah penyakit (*history taking*) dan kemahiran komunikasi (*counselling*) boleh dibuat secara *synchronous* dengan **SYARAT** institusi mempunyai **kepakaran** dan **fasiliti** yang lengkap untuk menyokong pelaksanaan tersebut. PPT perlu **membuktikan** bahawa pelaksanaan penilaian kemahiran klinikal tersebut adalah **valid, reliable, secure** dan **fair**. Peperiksaan untuk Tahap 4 *Miller's Pyramid (Does)* hendaklah dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan pesakit sebenar, pesakit simulasi atau secara hibrid (pesakit simulasi dan manikin).

Sila rujuk panduan untuk pengendalian peperiksaan secara atas talian <https://mmc.gov.my/medical-education-recognition/> bertarikh 21 Mei 2020.

10. Penggantian peperiksaan akhir tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain- lain bentuk penilaian pelajar.

Penggantian peperiksaan akhir yang tidak dilaksanakan dan tidak diganti disebabkan oleh PKP adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

11. Peperiksaan Profesional Tahun Akhir

PPT diberikan kelonggaran untuk melaksanakan Peperiksaan Profesional Tahun Akhir dengan menggunakan pesakit sebenar, pesakit simulasi atau secara hibrid (pesakit simulasi dan manikin) secara **bersemuka** dengan pematuhan SOP yang ketat. Cadangan panduan umum Peperiksaan Profesional Tahun Akhir adalah seperti berikut:

- **SATU Short Case** digantikan dengan minima **SATU Manned OSCE**.
- **Long Case** boleh diubahsuai dengan mengurangkan waktu interaksi pelajar-pesakit.
- **OSCE secara virtual** (bersemuka dan *synchronous*) untuk **history taking** dan **kemahiran komunikasi** sahaja.

12. Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/Gagal dan Kemajuan Pengajian.

Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/Gagal, secara dasarnya bergantung kepada tahap penawaran kursus. Bagi kursus Tahun 1 hingga Tahun 4, PPT boleh memberi keputusan kelulusan bersyarat. Pelajar boleh dibenarkan meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya berdasarkan peperiksaan akhir semester. Mana-mana komponen (klinikal atau praktikal) yang tidak dinilai semasa Perintah Kawalan Pergerakan hendaklah dijalankan setelah pelajar diberi penggantian pembelajaran klinikal yang mencukupi.

13. Pengendalian sesi pengajaran dan pembelajaran dan peperiksaan semasa dan pasca PKPB atau PKPD.

Majlis Perubatan Malaysia juga memberi fleksibiliti kepada PPT untuk menggunakan pesakit simulasi dan secara hybrid (pesakit simulasi dan manikin) bagi menggantikan pesakit sebenar dengan syarat prosedur berkaitan keselamatan pelajar dan pesakit simulasi dipatuhi. Tempoh sebenar fasa pasca Perintah Kawalan Pergerakan mungkin berubah dan akan dimaklumkan kepada PPT dari semasa ke semasa.

Pusat Jaminan Kualiti Dalam PPT dikehendaki **memantau** pelaksanaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan, **menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih** dan **menyediakan bukti** pemantauan tersebut semasa lawatan akreditasi atau pemantauan seterusnya.

PENYELARASAN SISTEM SEMESTER

14. Penyusunan kursus-kursus yang melibatkan semester panjang dan semester pendek.

PPT perlu menguruskan secara bersesuaian penamatan semester pengajian semasa dan seterusnya penawaran semester baharu. Adalah dinasihatkan untuk PPT mengelakkan berlaku pertindihan semester pengajian.

Bagi membolehkan pelajar kembali kepada landasan kemajuan pengajian asal (*original study track*), PPT diberi fleksibiliti untuk menawarkan minggu pengajian kepada maksimum **50 minggu setahun** bagi membolehkan pelajar mengikuti komponen pengajian yang perlu diulang dan / atau diperkukuhkan.

Adalah dimaklumkan dengan pemakaian Panduan ini, maka **PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN PERUBATAN (IJAZAH ASAS) SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19** bertarikh 6 April 2020 adalah terbatal.

Sekiranya PPT mempunyai sebarang isu di luar skop garis panduan ini, pihak PPT boleh memanjangkan permohonan kepada pihak Majlis Perubatan Malaysia secara bertulis dan sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui emel admin.mmc@moh.gov.my.

[Diluluskan oleh Majlis Perubatan Malaysia pada 16 Februari 2021]